

*Kanun Tanah Negara*

Borang 9B  
(Seksyen 142)

**PERMOHONAN UNTUK PECAH-BAHAGIAN TANAH**

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah .....

\* Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah ini, tuanpunya bersama tanah yang berikut—

\* Bandar/Pekan/Mukim ..... No. Lot .....

Perihal dan No. Hakmilik ..... Luas .....

dengan ini memohon kelulusan untuk memecah-bahagi tanah itu kepada ..... bahagian, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dikepilkan bersama ini mengenai pecah-bahagian yang dicadangkan itu supaya terletak kepada tuanpunya bersama mengikut jadual berikut.

\*Bagi maksud-maksud klarifikasi, maka Saya/Kami kepilkan juga suatu memorandum penjelasan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 142 Kanun Tanah Negara, maka sekarang Saya/Kami hantar —

(a) fee yang ditetapkan sebanyak RM .....

(b) pelan yang disebut di atas bersama dengan ..... salinannya;

\*(c) satu salinan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancang;

\*(d) satu surat persetujuan daripada tiap-tiap seorang daripada ..... orang yang berikut (iaitu orang-orang yang persetujuan mereka secara bertulis adalah dikehendaki kerana sebab-sebab tertentu yang dinyatakan dalam tiap-tiap surat)†—

(1) .....

(2) .....

(3) .....

\*(e) Persetujuan bertulis tiap-tiap seorang tuanpunya bersama yang tidak menandatangani permohonan ini, ditunjukkan dengan tanda “X” dalam ruangan pertama dalam jadual di bawah ini.

3. Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dikepil bersama ini, suatu cara akses yang memuaskan ke tiap-tiap satu bahagian (selain dari apa-apa bahagian dari mana ada akses terus ke sesuatu jalan, sungai, sebahagian tepi pantai atau stesen keretapi, atau ke sesuatu tempat di dalam tanah itu dari mana sesuatu cara akses berupaya didapati melalui permohonan untuk suatu hak lalulalang Pentadbir Tanah) akan diperuntukkan—

- \* (i) atas tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri;
- \* (ii) dengan suatu hak lalulalang yang akan diistiharkan oleh Pentadbir Tanah.

\*4. Berkenaan dengan tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik mengikut subperenggan (i) di atas, maka Saya/Kami dengan ini mengaku akan membina suatu jalan menurut standard yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada .....haribulan .....20.....

.....  
*Tandatangan Tuanpunya  
 Bersama Tanah*

**JADUAL PECAH-BAHAGIAN**

Tanda "X" menunjukkan orang yang tidak menandatangani	Nama penuh tiap-tiap seorang tuanpunya bersama	Alamat Tuanpunya bersama	Bahagian tanah yang didaftarkan	Luas bahagian yang berkenaan	Simbol atas Pelan bagi Bahagian

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

(A) Sewa bagi tahun ini telah dibayar.

*Pentadbir Tanah* .....

- (B) (1) Pecah-bahagian sebagaimana dalam pelan yang dikepilkan bersama diluluskan.
- (2) Satu salinan pelan tersebut disimpan.

.....  
*Tandatangan*

Pihak Berkuasa Perancang .....

Untuk digunakan jika kelulusan perancangan tidak didapati terlebih dahulu.

(C) Pecah-bahagian diluluskan \*tertakluk kepada perubahan-perubahan yang berikut—

.....  
.....  
.....

Bertarikh pada .....haribulan .....20.....

.....

*Pengarah/Pentadbir Tanah*

---

\* Potong sebagaimana yang sesuai.

† NOTA PENJELASAN —Persetujuan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—

- (i) pajakan kesemua tanah itu atau mana-mana bahagiannya selain dari suatu bahagian yang betul-betul bersamaan dengan satu daripada bahagian-bahagian yang dicadangkan itu;
- (ii) gadaian atas tanah itu, atau bagi pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);
- (iii) lien atas tanah itu, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i).